

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/1987**

---

### **PENUBUHAN JAWATANKUASA (KHAS) PERLAKSANAAN PERAKUAN KABINET MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI DI DALAM BIDANG PERTANIAN**

---

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara pada 9hb. Oktober, 1986 telah membincang masalah-masalah yang dihadapi di dalam bidang pertanian dan membuat keputusan bagaimana berikut:-

"Kerajaan-Kerajaan Negeri akan digesa untuk mempercepatkan pemberian tanah kepada syarikat-syarikat yang besar supaya tanaman-tanaman untuk export, terutamanya tanaman buah-buahan, dapat dimulakan dengan segera. Syarikat-syarikat yang besar ini diperlukan untuk menjadi 'catalyst' memandangkan pasaran eksport memerlukan keluaran secara besar-besaran dan bermutu tinggi supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa".

2. Sebagai satu langkah untuk melaksanakan perakuan Kabinet ini disamping mambangun kawasan-kawasan yang berpotensi dalam Negeri Kelantan MMK semasa menimbang Kertas Bil.23/837/86(48) pada 17.2.86 telah bersetuju menujuhan sebuah Jawatankuasa (high powered) dikenali sebagai Jawatankuasa (Khas) Perlaksanaan Perakuan Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi di dalam bidang Pertanian.

3. **KEAHLIAN JAWATANKUASA**

- |   |   |                 |
|---|---|-----------------|
| 3.1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan                 | - | Pengerusi       |
| 3.2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan               | - | Timb. Pengerusi |
| 3.3. YB. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan | - | Ahli            |
| 3.4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan            | - | Ahli            |
| 3.5. Pengarah UPEN                                      | - | Ahli            |
| 3.6. Pengarah Pertanian Negeri                          | - | Ahli            |
| 3.7. Pengarah Perhutanan Negeri                         | - | Ahli            |
| 3.8. Ketua Pegawai Mardi, Kelantan                      | - | Ahli            |

- |       |                                     |   |            |
|-------|-------------------------------------|---|------------|
| 3.9.  | Pengurus Besar KESEDAR              | - | Ahli       |
| 3.10. | Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan | - | Setiausaha |

#### **AHLI-AHLI DIJEMPUT**

- 3.11. Ketua Jajahan berkenaan
- 3.12. Lain-lain Ketua Jabatan di mana perlu.

#### **4. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA.**

- 4.1. Membuat keputusan segera ke atas permohonan-permohonan daripada syarikat yang besar untuk mendapat tanah pertanian bagi mengusahakan tanaman untuk eksport.
  - 4.2 Menentukan syarat-syarat pemberianmilik, seperti kadar bayaran premium, tempoh pajakan, sekatan kepentingan dan lain-lain.
  - 4.3. Mengenalpasti kawasan -kawasan dalam Negeri Kelantan yang sesuai bagi tanaman untuk eksport.
  - 4.4. Melaksanakan apa jua perkara yang boleh menyumbang ke arah pencapaian hasrat perakuan Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi Negara dalam bidang pertanian.
5. Dengan penubuhan Jawatankuasa Khas ini semua permohonan-permohonan untuk mendapatkan tanah bagi tujuan pembangunan pertanian hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan selaku Urusetia yang akan memproses sehingga mendapat keputusan bagaimana aliran proses tindakan di **Lampiran A**. Permohonan-Permohonan yang tergulung dalam bidang kuasa Jawatankuasa Khas yang ada diterima di Pejabat-Pejabat Tanah hendaklah diedarkan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk diambil tindakan seterusnya. Permohonan yang diterima lengkap, iaitu yang disertakan dengan pelan tanah dan lokasi, kertas kerja menunjukkan kajian kesesuaian tanah, jenis tanaman sesuai dicadang, modal dan kepakaran yang ada yang jaminan pasaran serta faedah

kepada Negeri dan Negara akan dinilai dan dibuat keputusan dengan segera. Permohonan yang diterima tidak lengkap, di mana layak, akan diberi kebenaran untuk memasuki kawasan bagi membolehkan pemohon membuat kajian kesesuaian tanah dan mengemukakan permohonan dengan lengkap.

6. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta mengambil perhatian diatas kandungan arahan ini khususnya dalam aspek mengenal pasti kawasan-kawasan dalam jajahan masing-masing yang sesuai untuk pembanguna pertanian.

t.t  
(HJ.ISMAIL B.HASSAN)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
KOTA BHARU**

**BERTARIKH: 14hb. JANUARI, 1987**

**FAIL: PTG. (KN.) SULIT BIL:4/1/10/(6)**

**KEPADA:-**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Negeri Kelantan..

**SALINAN KEPADA :**

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan, Kota Bharu.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
4. YABrs. Juruaudit Negeri Kelantan.
5. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
7. YBrs. Pegawai Tadbir dan Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG.

**ALIRAN PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN ATAS  
PERMOHONAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN PERTANIAN**

